


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU





BIJAK MERANCANG KEWANGAN MEMACU KESEJAHTERAAN PERSARAAN

Mustafa Kamal Mat dan Saflina Azis

Dalam era kecerdasan buatan semakin pesat difenomenakan sebagai penutup peluang pekerjaan, ramai pekerja mula bercita-cita untuk bersara awal. Hasrat diilhamkan sebagai menyahut seruan para pengkaji yang kerap bercerita tentang kekuatan kecerdasan buatan ini.

Hakikat yang perlu diperakui, kecerdasan buatan adalah hasil titik peluh manusia yang cerdik dan berbakat. Bukannya tercipta secara mengejut atau tiba-tiba turun dari langit terus ke alam siber. Sudah pasti, tanpa penglibatan dan komitmen golongan yang bijaksana ini, kecerdasan buatan tidak akan tercipta. Melalui perancangan dan kajian yang teliti, maka akan terhasil satu dimensi baru yang berupaya melawan keupayaan manusia.

Justeru itu, cita-cita untuk bersara lebih awal daripada waktu yang sepatutnya memerlukan perancangan yang bijak agar hidup selepas bersara tidak sia-sia. Persediaan daripada segi kewangan, mental dan persekitaran perlu dibuat lebih awal memandangkan jangka hayat manusia mampu melebihi 80 tahun.

Setiap pekerja yang berhasrat untuk bersara perlu membuat keputusan tepat terhadap keperluan perbelanjaan akan datang serta simpanan yang harus dibuat ketika ini. Jika hendak belanja lebih selesa akan datang, perlulah menyimpan lebih banyak sejak awal, kelak senang hati. Jangan tunggu lama-lama ibarat sudah terhantuk baru terngadah, memang akan kelam kabut kehidupan. Situasi begini susah nak diperbaiki, mengharap belas ehsan kebajikan sahaja.

“Apakah impian **persaraan** saya?”

“Untuk bersara sepenuhnya.”

Anda tidak perlu gusar dan bimbang tentang persaraan.
Malah, kuasa untuk mengawal masa depan anda bermula
hanya dengan mengetahui angka persaraan anda.

Melihat kepada tinjauan semasa, wujud dapatan menyatakan ramai pesara tidak mempunyai cukup sumber kewangan untuk kekal dengan taraf kehidupan sebelum persaraan. Justeru, ada juga pesara yang bergantung harap kepada kad kredit dan dana kecemasan untuk kekal dengan kehidupan semasa. Hal ini disokong dengan data Bank Negara Malaysia (BNM) yang mendapati secara umum, tahap celik kewangan rakyat Malaysia pada tahun 2023, skornya 59.1 manakala pada tahun 2021 pula 59.0. Tindakan lebih serius harus dilakukan agar tren ini dapat ditingkatkan demi kelangsungan hidup selepas bersara.

Sejajar itu, setiap pekerja perlu merancang secara bijak pelan persaraan mereka. Mulakan dengan perancangan kewangan dengan mengaplikasikan kaedah 40/40/20. Kaedah ini merupakan sistem bajet yang mudah untuk mengurus kewangan sebagai perancangan persaraan. Kaedah ini membahagikan pendapatan kepada tiga (3) kategori utama, iaitu simpanan & pelaburan, keperluan, dan kehendak. Kaedah ini dicadangkan untuk mereka yang telah bekerja lebih 10 tahun dan ke atas.

Kaedah ini perlu dimulakan dengan simpanan & pelaburan (40%), diperuntukan untuk pelaburan jangka panjang, dana kecemasan dan matlamat kewangan masa depan. Seterusnya keperluan (40%), iaitu merangkumi keperluan asas seperti makanan dan

perbelanjaan harian, pinjaman perumahan, serta urusan pengangkutan. Manakala kehendak (20%) pula meliputi ansuran kad kredit, pinjaman peribadi serta aktiviti percutan keluarga.

Menjadi keutamaan untuk memastikan platform simpanan dan pelaburan yang dicari menepati keperluan kewangan masa depan. Paling penting perlukan agihan keuntungan yang lebih tinggi daripada pulangan simpanan tetap di bank-bank komersil. Perlu juga dipastikan agar pelaburan tersebut memenuhi tuntutan undang-undang di negara ini. Jangan silap pilih tempat labur, nanti wang lebur.

Bagi merealisasikan hasrat bersara awal, setiap individu bolehlah melihat laman sesawang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Banyak maklumat baharu yang sering dikongsikan oleh KWSP sebagai panduan pelan simpanan untuk persaraan.

Sebagai contoh, KWSP ada mengeluarkan tiga (3) mekanisma nilai simpanan sebagai panduan. Mekanisma ini dikenali sebagai simpanan asas, simpanan mencukupi dan simpanan dipertingkat. Tahap simpanan yang berbeza ini diperlukan untuk menampung pengeluaran bulanan selama 20 tahun tempoh persaraan. Boleh dijadikan panduan, jika cukup nilai simpanan asas, bolehlah fikir untuk bersara awal.



Sekiranya pencarum KWSP mempunyai baki simpanan asas iaitu sebanyak RM390,000 pada tarikh tamat perkhidmatan, mereka boleh membuat pengeluaran bulanan sebanyak RM1,620 semasa tahun pertama, dan meningkat setiap tahun sehingga RM4,430 pada tahun ke-20 nanti.

Bagi pencarum yang ingin mempunyai pengeluaran mencukupi, mereka perlu mempunyai baki simpanan sebanyak RM650,000. Dengan jumlah ini, mereka boleh mengeluarkan wang belanja bulanan bermula sebanyak RM2,700, dan akan meningkat sehingga RM7,350 menjelang tahun ke-20.

Persaraan yang lebih selesa boleh dinikmati, jika baki simpanan sebelum bersara mencecah RM1.3 juta. Jumlah ini nampak agak besar, namun boleh diperolehi jika bijak dan konsisten merancang. Jumlah ini dapat menyediakan pengeluaran bulanan RM5,400 di tahun satu (1), dan boleh meningkat kepada RM14,700 menjelang tahun ke-20 persaraan.

Telitikanlah opsyen simpanan yang ada untuk masa depan diri kita. Tepuk dada, lihatlah baki simpanan yang ada. Sesuailah untuk membuat pilihan bersara lebih awal? Kalau mampu menanggung segala komitmen kewangan, maka bolehlah bertindak mengatur strategi dengan baik. Boleh mulakan dengan Langkah yang bijak sesuai dengan pepatah, ukur baju di badan sendiri. Hanya diri sendiri yang tahu kemampuan kewangan yang ada. Jika kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga, sama juga seperti membina rumah di tepi pantai, sudah pasti mereka berani di pukul ombak.

Sebenarnya, ada baik juga jika ramai penjawat awam yang telah berumur 50 tahun ke atas, bercadang untuk bersara lebih awal. Peluang pekerjaan dapat diberikan kepada graduan baru yang masih belum mendapat kerja tetap, untuk berkhidmat kepada kerajaan. Negara boleh menggunakan idea dan inovasi baharu yang diilhamkan oleh generasi muda semasa melaksanakan tugas mereka. Generasi muda sudah tentu banyak idea menarik yang boleh dilaksanakan demi pembangunan negara.

Tips persediaan awal telah banyak diceritakan, hanya menunggu sahutan ramai saja. Persiapan rapi dan bijak perlu dilakukan segera, jangan tunggu saat akhir. Tarikh bersara wajib sudah kita ketahui, namun persaraan secara mengejut, bukan kuasa kita. Maka eloklah sediakan payung untuk hadapi suasana mencabar yang belum kita ketahui.